

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

11. Saliran semulajadi tersekat atau menjadi terowong air di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan dan laluan kereta api berkembar,
- (a) Pihak manakah yang menyelenggara laluan berkaitan?
 - (b) Apakah tindakan terhadap laluan air yang tersekat dan menyebabkan banjir?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. (a) Pihak yang menyelenggara sistem pembentungan (terowong air) yang melintasi Lebuhraya Utara Selatan adalah pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) manakala bagi laluan kereta api berkembar adalah pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).
- (b) LLM dan KTMB menjalankan penyelenggaraan berkala ke atas laluan berkenaan mengikut ketetapan jadual yang telah disediakan oleh agensi masing-masing. Mesyuarat Penyelarasaran Isu Penyelenggaraan Sistem Saliran dan Pembentungan Dalam Kawasan ROW Bil. 2 yang dipengerusikan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

pada 8 Jun 2018 telah meminta supaya kerja-kerja penyelenggaraan tambahan dilaksanakan oleh LLM dan KTMB selain rutin jadual berkala sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk mengurangkan risiko banjir. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh kedua-dua agensi tersebut.